



INSTITUTE OF  
POSTGRADUATE  
STUDIES



# INGRAW 2012

**PENGURUSAN DANA MASJID DAN  
KAITANNYA TERHADAP  
UNDANG-UNDANG  
DI INDONESIA**

**Deicy Natalia Karamoy**

THE **7th** ISDEV INTERNATIONAL  
GRADUATE WORKSHOP

**30 - 31 October**

**University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia  
Penang, Malaysia**

JOINTLY ORGANISED BY:

CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT  
MANAGEMENT STUDIES (ISDEV)  
AND INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES (IPS)

# PENGURUSAN DANA MASJID DAN KAITANNYA TERHADAP UNDANG-UNDANG DI INDONESIA<sup>1</sup>

Deicy Natalia Karamoy<sup>2</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang

## Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji amalan Undang-Undang Indonesia dalam menguruskan dana-dana masjid. Untuk menentukan pengelolaan dana masjid menjadi baik, terkawal dan sesuai peraturan, maka pengurusannya mesti mematuhi peraturan dan undang-undang yang berlaku. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti pengelolaan dana masjid dan kaitannya terhadap Undang-Undang. Manakala undang-undang yang mengurus pengelolaan dana adalah terdapat dalam Undang-Undang Nombor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan, Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Zakat dan Undang-Undang Nombor 41 Tahun 2004 tentang Wakaf. Untuk menyelidiki, kajian ini dilakukan dengan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis data dalam bentuk deskriptif. Dapatan kajian adalah secara umumnya pengelolaan dana masjid-masjid di Manado masih dilakukan dengan cara konvensional dan tradisional. Maksudnya adalah dalam pendirian terdapat masjid yang didirikan tanpa institusi yayasan sebagai pelindung undang-undang. Kutip, simpan, guna dan rekod dana masjid didapati banyak yang tidak memenuhi kriteria undang-undang. Oleh itu kesannya, banyak masjid tiada maklumat rekod dana masjid, beaya operasi masjid yang kurang mencukupi dan sebagainya. Perkara ini disebabkan kurangnya kesedaran pengurus masjid dalam mengelola dana dan institusi masjid. Oleh itu, diharapkan kepada pihak pengurus masjid-masjid di Manado untuk mempertingkatkan cara pengelolaan dana serta pengurusan masjid sesuai dengan undang-undang yang berlaku.

Kata Kunci : Pengurusan dana, Masjid, Undang-Undang Indonesia.

---

<sup>1</sup> Kertas dibentangkan dalam The 7th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 12).

<sup>2</sup> Pelajar ijazah Doktor Falsafah Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI), Universiti Sains Malaysia

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam ajaran Islam, masjid mempunyai status yang tinggi, ia ditempatkan sebagai milik Allah dan disebut Baitullah (Rumah Allah). Hal ini seperti ditegaskan Allah dalam Al-Qur'an surat al-Jin ayat 18: Dan sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah, kerana itu janganlah kamu menyeru seorang pun di dalamnya di samping Allah. Kemudian Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya rumah-rumah Allah di bumi adalah masjid-masjid, sesungguhnya hak atas Allah untuk memuliakan orang yang menziarahi-Nya di masjid-masjid itu (HR. Thabrani) (Robi Kurnadi, 2010).

Untuk dapat menjalankan sepenuhnya peran dan fungsi masjid pada masa ini, harus juga diketahui bagaimana masjid difungsikan pada masa Nabi Muhammad SAW. Antara peran dan fungsi masjid pada masa itu ialah sebagai tempat beribadah, sebagai tempat pertemuan, sebagai tempat konsultasi, sebagai tempat kegiatan sosial, sebagai tempat pengobatan orang sakit dan sebagai tempat pembangunan jamaah dan dakwah Islamiyah (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Oleh itu, untuk mempertahankan peranan masjid yang demikian besar khususnya dalam proses pembangunan jamaah, diperlukan suatu sistem pengelolaan masjid yang professional dan bertanggung jawab dalam melaksanakan tugasnya, sehingga dapat memakmurkan masjid.

Manakala institusi yang melakukan pengelolaan masjid tersebut adalah Badan Takmir Masjid, mereka dilantik oleh pihak kerajaan dan bertanggung jawab terhadap dana-dana masjid. Pengurusan kewangan masjid adalah salah satu isu utama yang menarik perhatian ramai orang. Amalan pengurusan kewangan yang baik bukan sahaja dinilai dari segi merekod dan melaporkan transaksi kewangan tetapi juga bagaimana mendapatkan dan mengurus dana dengan berkesan.

Menurut data Kementerian Agama (2010), terdapat lebih daripada 700 ribu masjid yang ada di Indonesia dan ia merupakan terbanyak di dunia. Bilangan yang banyak ini dijangka menimbulkan masalah dalam pengurusan masjid, khususnya dalam pengurusan dananya. Oleh itu, diperlukan undang-undang yang dapat mengawal badan pengelolaan Masjid.

Mengelola masjid pada masa ini memerlukan ilmu dan kepakaran pengurusan, oleh itu Pengurus masjid (takmir) harus mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Untuk mencapai pengelolaan masjid yang baik diperlukan perencanaan dan pengaturan yang serius, penggalan dan pengkajian sesuai dengan nilai-nilai ajaran agama Islam secara langsung dari dua sumber Nash : Al Qur'an dan Hadits (Zainal Arifin, 2012).

Merujuk keputusan Mukhtar IV Dewan Masjid Indonesia, pengelolaan masjid harus dikelola secara baik dan profesional, sesuai dengan prinsip-prinsip manajemen moden. Pengurusan masjid harus merumuskan konsep manajemen masjid sejak dari visi, misi, perancangan dan langkah-langkah strategiknya. Ianya adalah meningkatkan keimanan, ketaqwaan, akhlak mulia, dan kecerdasan umat, serta tercapainya masyarakat adil makmur yang diridhoi Allah SWT.

Ayub (1996) mempertegas bahawa setiap pengurus masjid harus mampu menyusun laporan kewangan seperti bagaimana wang masuk, dikutip dan digunakan. Kemudian laporan ditulis dan disusun secara teratur untuk dimaklumkan kepada jamaah pada masa sembahyang Jumaat.

Selain itu, di Indonesia banyak pengurus masjid tidak mengetahui jamaahnya, disebabkan mereka tidak mempunyai data rasmi daripada jamaah. Oleh itu, semua ahli jamaah suatu masjid sebaiknya perlu didaftarkan. Hal ini penting untuk mengetahui potensi umat yang sesungguhnya, termasuk kondisi sosial-ekonomi mereka. Perkara di atas bukan hanya untuk pengutipan dana, tapi juga agar tahu sesiapa sahaja ahli jamaah yang berhak menerima zakat dan sesiapa sahaja yang mendesak untuk dibantu ditingkatkan taraf hidupnya. Dengan pencatatan, akan memudahkan perancangan langkah pengembangan ekonomi keumatan, sehingga fungsi masjid sebagai pusat ibadah sosial dan pengembangan masyarakat dapat dikelola secara sepenuhnya (Ahmad Sutarmadji, 2010).

Pengurus Badan Takmir masjid-masjid di Manado menurut undang-undang yayasan diatur oleh suatu badan keagamaan (Suruhanjaya) yang terdiri daripada Badan Pelaksana, Badan Pembina dan Komisi Pengawas dengan masa memimpin selama 3 tahun.

Di Manado, pengurusan masjid dalam hal pengelolaan dana juga belum sepenuhnya diamalkan mengikuti aturan yang ada, hal ini tentu sahaja akan menimbulkan pelbagai macam masalah. Pengurus tidak memahami konsep kepemimpinan yang mempunyai visi dan misi untuk menyusun dan melaksanakan langkah-langkah strategik guna meningkatkan kesejahteraan lahir-batin ahli jamaahnya (Domu, 2011).

Menerusi perkara tersebut di atas, maka undang-undang yang dijadikan rujukan dalam kajian ini adalah Undang-Undang (UU) Nombor 16 Tahun 2001 tentang yayasan, Undang-Undang Nombor 1 Tahun 2004 tentang wakaf dan Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang pengelolaan zakat. Sepertimana termaktub dalam Fasal 1 (1) UU 16/2001, yayasan adalah badan hukum yang terdiri atas kekayaan yang diasingkan dalam laporan pertanggungjawaban dan ditubuhkan untuk bidang sosial, keagamaan dan kemanusiaan. Yayasan mempunyai anggota yang terdiri daripada Pembina, Pengurus, dan Pengawas.

Jadi, menurut undang-undang Indonesia pengurusan Masjid dan dana-dana yang terdiri daripada sumbangan-sumbangan tetap dan tidak tetap serta pembinaan Masjid, semuanya terletak di bawah pengawalan Undang-Undang (UU) Nombor 16 tahun 2001 iaitu tentang Yayasan. Demikian pula pengurusan dana yang meliputi dana zakat, infak dan sedekah, terletak di bawah pengawalan UU Nombor 38 tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat. Dan jika terjadi penyelewengan yang menyebabkan seseorang akan disabitkan oleh mahkamah akan dirujuk kepada undang-undang sivil.

Menerusi hal tersebut di atas, maka kertas kerja ini akan dibahagi dalam 5 (lima) bahagian perbincangan. Antaranya adalah latar belakang kajian, kaedah penyelidikan, analisis pengelolaan dana masjid menurut undang-undang dan kesimpulan.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah kajian penyelidikan ini mengumpulkan maklumat daripada responden adalah temu bual mendalam. Responden untuk kajian ini terdiri daripada pihak pakar undang-undang dan pengurusan masjid-masjid di Manado.

Untuk penyelidikan utama data sekunder didapati daripada data Undang-Undang (UU) Nombor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan, Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat dan Undang-Undang Nombor 41 Tahun 2004 tentang Wakaf.

Analisis penyelidikan akan digunakan analisis deskriptif untuk menganalisis penyelidikan ini. Penyelidikan akan terpusat kepada undang-undang mengenai pengurusan dana masjid.

Dapatan penyelidikan ini, akan dianalisis hubung kait antara undang-undang yayasan, zakat dan wakaf terhadap kes kajian, sehingga dapat diketahui kelemahan dan kelebihan daripada undang-undang tersebut. Ia diharapkan dapat dijadikan suatu rumusan untuk menuju pengurusan insaniah menurut undang-undang ke-Islaman. Diharapkan analisis tersebut akan mendapatkan cadangan pengelolaan dana masjid dan cadangan penyelidikan selanjutnya.

## PENGURUSAN DANA MASJID

Berdasarkan kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, *Pengelolaan* ialah merujuk kepada mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan dan lain-lain). Manakala Dana bermaksud kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan. Masjid merujuk kepada bangunan khas tempat orang Islam bersembahyang.

Dana Islam dan Pelaburan Laporan 2010 dalam masa hadapan akan menangani isu-isu utama sepertimana berikut, perkembangan semasa dalam pengurusan aset Islam; aset di bawah pengurusan; pelancaran pencairan; Sukuk, komoditi, wang tunai dan hartanah; utama segmen Pelabur: Satu penilaian keutamaan dan peruntukan peralihan bagi segmen berikut: Jisim mewah, Wakaf, Takaful dan Pencen (Aljazeera Press, 2011).

Sehingga kini, muncul pertanyaan seberapa banyak umat Islam yang faham tentang keuangan Islam dan yang lebih penting, berapa banyak yang *bankable*? Menurut data didapati hanya 2 sehingga 3 peratus umat Islam yang mampu mengurus kewangan dana secara professional syariah. Menurut data Lipper untuk tahun 2010, 586 dana Islam yang beroperasi dengan \$ 37 bilyun aset di bawah manajemen Islam, sebahagian besar dana tersebut secara aktif dikelola oleh pengurusan pelaburan eksternal. Di samping itu, dalam pasaran kewangan hari ini, kewangan Islam tidak mempunyai bank-bank besar (bilion dolar modal berbayar) dan hanya mengurus dana yang kecil dengan saiz purata sebanyak kira-kira AS \$ 40 juta (Aljazeera Press, 2011).

Oleh itu, untuk memastikan pengurusan dana yang kemas dan teratur, Pengerusi Masjid mestilah mempunyai pengetahuan di dalam pengendalian akaun masjid. Kelayakan akademik atau pengalaman didalam pengurusan kewangan sesuatu organisasi adalah ciri-ciri yang patut ada pada ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid.

Segala urusan akaun masjid mestilah menjalani proses audit setiap tahun bagi meneliti dan memastikan bahawa segala urusan kewangan telah dilakukan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dan menepati piawaian pengendalian akaun organisasi tanpa untung (*non profit organisation*).

Memandangkan pengurusan masjid pada zaman ini lebih kompleks, pengauditan hendaklah dijalankan oleh juruaudit yang bertauliah. Akaun yang telah diaudit hendaklah dipamerkan dipapan kenyataan masjid untuk pertanggungjawapan dan penelitian umum.

Secara umum, pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu seni bagi melaksanakan proses kerja yang terancang melalui dan dilaksanakan secara bersistematik, teratur dan mempunyai garis panduan tertentu (Mohamad Fauzi, 2008). Berkaitan kepentingan pengurusan masjid pula dapat difahami dari peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud (Mohamed Ali Haji Atan, t.t),

*" Dari Anas bin Malik, katanya: Pernah datang seorang Arab dusun, lalu ia kencing di sudut masjid, lalu ia dibentak oleh orang ramai. Maka mereka dilarang oleh Rasulullah s.a.w. Setelah orang itu selesai kencingnya, diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. mengambil setimba air, lalu disiramkan ke atas kencingnya itu"*

Peristiwa tersebut jelas menunjukkan kepentingan dan keperluan pengurusan masjid secara bijaksana dalam apa-apa juga bidang untuk merealisasikan peranan institusi tersebut sebagai jantung dan nadi masyarakat Islam. Tiga jawatan yang penting dalam senarai ahli jawatankuasa masjid ialah pengerusi masjid, setiausaha dan bendahari. Segala urusan, harta dan dana masjid adalah di bawah pengurusan mereka. Dari sudut pengurusan dana yang diperolehi, ianya bergantung kepada wawasan dan kesungguhan jawatankuasa yang dibentuk.

Sumber dana yang dimiliki oleh masjid adalah berbeza dengan dana yang diuruskan dalam institusi kewangan dan perbankan. Ini kerana, dana dalam institusi kewangan dipengaruhi oleh liabiliti pendeposit atau penyimpan dan juga pemegang-pemegang saham. Oleh itu, pengurus institusi kewangan mempunyai kekangan dalam membelanja dan melaburkan wang bersesuaian dengan risiko yang dihadapi.

Sebaliknya dalam dana masjid yang dibentuk melalui kumpulan wang-wang derma dan wang sumbangan pada hari Jumaat, pengurus masjid tidak dibebani dengan liabiliti kepada penderma atau penyumbang. Namun, keadaan ini tidak menunjukkan bahawa dana masjid boleh dibelanja tanpa diuruskan secara bertanggungjawab. Ini kerana, liability tersirat yang ditanggung oleh pengurus dana masjid ini lebih besar seandainya masyarakat mengetahui berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa.

Berdasarkan kelebihan inilah, dana masjid sewajarnya digunakan untuk tujuan yang lebih meluas dan tidak tertakluk kepada aktiviti tradisional semata-mata. Ianya dapat digunakan bagi membentuk dana kelompok dan membantu usahawan khususnya usahawan muslim dalam memulakan dan mengembangkan bidang perniagaan yang bertepatan dan diperlukan oleh masyarakat Islam.

Seterusnya, pengurusan dana masjid yang akan diselidik dalam kajian ini ialah pada masjid-masjid di Manado. Arah pengurusan dana Masjid iaitu mengatur dana organisasi masjid yang meliputi kutip, simpan, guna dan rekod. Dana yang masuk dan keluar harus halal, jelas sumbernya, tercatat dengan tepat dan dilaporkan secara bertempoh. Demikian pula prosedur masuk dan keluar dana harus diatur dan dilaksanakan dengan baik.

Hal ini sepertimana yang kita ketahui tentang Masjid, ia merupakan sesebuah institusi/institusi yang secara ekonomi tidak bertujuan mencari laba (nirlaba), bahkan dalam banyak hal memberikan subsidi kepada umat yang memerlukan. Sepatutnya, masjid mempunyai usaha produktif yang dapat menghasilkan keuntungan dana yang digunakan untuk memberikan subsidi pada umat yang memerlukan. Oleh kerana sifatnya organisasi bukan untung maka, masjid memiliki kemudahan dalam menghimpun dana lunak yang digunakan secara amanah untuk menjalankan unit usahanya. Dana yang dihimpun ialah dana zakat, infak, sedekah dan wakaf. Wakaf dalam hal ini adalah wakaf tunai atau wakaf berbentuk wang (El-Bantanie, 2009; Ismail & Castrawijaya, 2010).

Masjid yang baik adalah sama ada masjid yang mempunyai fungsi vertikal (*hablum minallah*) dan fungsi horizontal (*hablum minan naas*) seperti pada zaman Rasulullah SAW. Orang pergi ke masjid tidak hanya sekadar menjalankan ibadah *mahdhah* tetapi juga mendapatkan kemanfaatan duniawi (bekerja, berniaga, mendapatkan santunan bagi fakir dan miskin) sehingga masjid merupakan tiang kesejahteraan umat Islam. Untuk mencapai hal tersebut, diperlukan masjid yang mempunyai sumber kewangan yang kuat (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Sebaiknya, masjid tidak hanya mengharapkan dana yang sifatnya pemberian (*infak*, *sedekah*, dan lainnya) tetapi juga mempunyai sumber penghasilan yang berasal daripada usaha produktif. Dengan kata lain, masjid harus punya unit usaha produktif yang dapat menghasilkan wang, contohnya dengan berniaga kecil yang disokong oleh institusi perantara yang ada pada masjid tersebut. Institusi perantara dapat memanfaatkan dana awam untuk menjalankan unit usahanya.

Dalam pengertian mengelola dana awam dapat juga diertikan dengan mengelola dana zakat masjid, Fasal 12 Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999, menyatakan bahawa pengumpulan dana zakat dilakukan oleh Badan Amil Zakat dengan cara menerima atau mengambil dari *muzakki* atas dasar pemberitahuan *muzakki*. Kemudian Badan Amil Zakat juga dapat bekerja sama dengan pihak bank dalam pengumpulan zakat harta *muzakki*.

Manakala dana awam lainnya yang dapat menggerakkan usaha masjid adalah melalui wakaf tunai. Meskipun di bawah struktur pengurus/takmir masjid, kedudukan pengelola wakaf tunai (nadzir) harus mempunyai kebebasan dalam pengambilan

kebijaksanaan. Nadzir berfungsi sebagai perantara dana, iaitu menggalang dana wakaf daripada masyarakat dan menyalurkannya dalam unit usaha masjid untuk mengembangkan usaha. Daripada keuntungan yang diberikan unit usaha, nadzir dapat menggaji karyawan dan memenuhi fakir miskin yang memerlukan.

Secara institusi, antara institusi yang mengatur pengelolaan dana wakaf ialah, wakif yang adalah pihak yang memberikan dana wakaf, Al Mawquf Alaih, adalah pihak yang menerima manfaat daripada dana yang diwakafkan, masjid atau pondok pesantren terdiri daripada nadzir, adalah institusi yang diberi amanah untuk mengelola wakaf. Kemudian unit usaha, adalah institusi yang diberi amanah oleh nadzir untuk menjalankan usaha yang halal dan menguntungkan dengan dana wakaf yang ada, serta institusi penjamin, adalah institusi yang menjamin secara kewangan terhadap keutuhan dana wakaf.

Pengelolaan dana masjid haruslah menggunakan pengurus yang berkesan dan efisien, sehingga dapat dipertanggungjawabkan baik secara moral mahupun spiritual. Pemilihan orang-orang yang sesuai dengan kepakarannya dan mampu bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya menjadi pedoman dalam memajukan pengurusan masjid tersebut.

## **KEGIATAN DANA MASJID**

### **Sumber Dana**

Dana Masjid setakat ini bergantung kepada sumbangan derma melalui kutipan solat Jumaat, derma individu dan badan-badan korporat. Hasrat Jawatankuasa Masjid ialah mengusahakan sumber pendapatan yang lebih stabil dan berterusan.

Selain menjadikan masjid sebagai pusat peribadatan, masjid juga menghubungkan masyarakat dengan sifat dan amalan derma dan sedekah. Derma dan sedekah ini amat berhubungan dengan institusi ini disebabkan ianya dianggap sebagai institusi yang menguruskan kepentingan orang-orang Islam semasa hidup dan juga mati. Contohnya aktiviti kuliah keagamaan, sambutan hari kebesaran Islam dan pengurusan jenazah dan tanah perkuburan Islam. Kebiasaannya, jumlah derma dan sedekah yang banyak dilakukan ialah pada hari Jumaat, iaitu menunaikan solat Jumaat secara berjemaah.

Oleh itu, wang yang didermakan ini dapat dinamakan sebagai "wang jumaat". Dengan demikian itu, wang jumaat yang terdiri daripada derma, sedekah atau tabung masjid sudah sinonim dan sebatian dengan masyarakat Islam pada hari ini. Dengan wujudnya situasi sebegini, jelas membuktikan bahawa institusi masjid mempunyai sumber dan dana hasil yang berterusan dan dapat digunakan untuk faedah jangka panjang Fidlizan Muhammad et al (2007).

Kegiatan Masjid memerlukan dana yang tidak sedikit. Kurang baiknya pendanaan dapat menyebabkan terhambatnya kegiatan-kegiatan yang telah dicadangkan. Oleh itu masalah ini perlu ditangani secara serius. Beberapa kegiatan penajaan dana dapat dilakukan, iaitu (Ismail & Castrawijaya, 2010):



*Penyumbang tetap*, iaitu bantuan daripada jama'ah atau pihak lain yang secara bertempoh memberikan infak dan sedekah.

*Penyumbang tidak tetap*, iaitu bantuan daripada pelbagai pihak yang dilakukan dengan mengajukan permohonan, misalnya kepada pejabat kerajaan, pejabat swasta, institusi penyumbang atau orang yang bersimpati.

*Penyumbang bebas*, iaitu bantuan yang diperoleh daripada lingkungan jama'ah sendiri atau pihak luar yang bersifat mendesak. Hal ini dilakukan dengan menyediakan Bandar Amal mahupun penajaan dana masyarakat.

*Usaha ekonomi*, iaitu dana yang diperoleh dengan melakukan aktiviti ekonomi, khususnya dalam bidang perkhidmatan dan perdagangan.

### **Kitaran Dana**

#### ***Kutipan***

Kutipan dana diselaraskan oleh Pengurus Ta'mir Bidang Dana dan Perlengkapan yang berusaha memenuhi keperluan dana untuk keseluruhan aktiviti. Pengurus melakukan beberapa aktiviti cara kutipan dana, di antaranya mengajukan proposal, membuat *bandmark* amal, aktiviti perkhidmatan dan ekonomi dan sebagainya.

#### ***Simpan, Guna dan Rekod***

Dana yang telah dikutip Bidang Dana dan Perlengkapan selanjutnya diberikan kepada Bendahari dengan diketahui Pengerusi. Hal ini dilakukan dengan proses Penyerahan borang dana. Selanjutnya bendahari masukan dana dan disimpan dalam laporan Kewangan Ta'mir Masjid atau Akaun Bank. Apabila disimpan dalam akaun bank, sebaiknya menggunakan Bank Syari'ah dengan Pengerusi dan atau Bendahari sebagai penandatanganan cek atau pengambil tunai.

Untuk keluaran dana perlu diperhatikan adanya kesesuaian dengan anggaran yang telah ditetapkan bagi masing-masing bidang. Bidang berkenaan mengajukan permohonan dana kepada Ketua Umum dengan mengisi borang Permintaan Wang Muka. Apabila disetujui, selanjutnya Bendahari mengeluarkan dana sesuai yang dimintakan. Demikian pula, penggunaan dana tersebut bertanggung jawab oleh bidang yang berkenaan dalam laporan pertanggung jawapan kegiatan dengan melampirkan Laporan Kewangan, atau dipertanggung jawapkan dengan mengisi borang Pertanggung jawapan Wang Muka.

### **Pengawasan Dana Masjid**

Aktiviti pengumpulan dana oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun pengelolaan dana oleh Bendahari perlu dilakukan kawalan. Hal ini dilakukan antara lain melalui:

- a. Surat bukti. Beberapa surat bukti yang boleh digunakan antara lain: resit, nota, deklarasi, kupon dan sebagainya.

- b. Surat Informasi. Informasi pengumpulan dan pengelolaan dana tiap bulan disampaikan oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari.
- c. Papan kenyataan. Maklumat kewangan Masjid yang dilekatkan pada papan kenyataan.
- d. Laporan rutin. Pengurus Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari menyampaikan laporan rutin pengelolaan dana pada forum Mesyuarat Agung mahupun Laporan Tahunan Pengurus, juga disampaikan dalam Laporan Pertanggungjawaban Pengurus pada saat Musyawarah Jama'ah. Kemudian terdapat Forum/Institusi pengawas. Beberapa forum atau institusi yang boleh melakukan pengawasan secara langsung antaranya, mesyuarat agung, mesyuarat *Pleno*, parlimen Syura dan musyawarah jama'ah.

### **Hukuman Bagi Pengelola.**

Hukuman bagi pengurus akan disesuaikan dengan undang-undang yang berlaku. Jika hal ini berlaku untuk pengurusan dana zakat maka akan dilihat sesuai dengan Undang-Undang No. 38 Tahun 1999. Sedangkan untuk Wakaf akan diatur oleh Undang-Undang No. 41 Tahun 2004. Infak dan sedekah diatur dalam undang-undang masjid itu sendiri.

Apabila ada seseorang pengurus dana tersebut yang melakukan pecah amanah, maka akan dikenakan hukuman sesuai dengan ketentuan daripada masjid itu dan berasaskan daripada Undang-Undang yang disebut di atas. Hanya biasanya pengurus masjid tidak mengambil kira akan hal ini disebabkan masalah moraliti. Tetapi sekiranya diambil tindakan, maka di dalam mahkamah negeri akan dikenakan hukuman kepada undang-undang wakaf dan zakat serta undang-undang yang termasuk di dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP).

### **ANALISIS PENGELOLAAN DANA MASJID MENURUT UNDANG-UNDANG**

Dalam bahagian ini akan dianalisis juga pandangan para pakar undang-undang terhadap pengelolaan dana masjid. Diharapkan dalam analisis ini dapat menemukan hubung kait antara pandangan tentang undang-undang dengan kondisi pengelolaan dana dalam kes kajian.

### **Pandangan Pakar Undang-Undang Terhadap Pengelolaan Dana Masjid Menurut Undang-Undang Nombor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan**

Penyelidikan ini juga mengkaji bagaimana pandangan pakar undang-undang terhadap pengelolaan dana masjid dalam hubung kait terhadap UU Nombor 16 Tahun 2001. Temu bual para pakar tentang undang-undang ini akan dianalisis mengikut kepada kefahaman mereka terhadap pengelolaan dana menurut undang-undang, sehingga dijangka akan mendapatkan hasil yang dapat memberikan sumbangan pengetahuan terhadap undang-undang yang berlaku saat ini.

Dapat dikatakan bahawa cara undang-undang yayasan tentang pengelolaan dana masih kurang dijelaskan secara rinci. Hal ini disebabkan kerana tidak ada perbezaan antara institusi awam dengan institusi keagamaan. Walau bagaimanapun, sejak

diberlakukan undang-undang yayasan ini belum pernah terjadi masalah yang merugikan pihak-pihak berkenaan.

Jika terjadi penyelewengan dalam pengelolaan dana maka hukuman yang diberikan disesuaikan dengan undang-undang yang berlaku dan juga dapat dirujuk kepada undang-undang jenayah, rasuah dan sivil.

Dalam kandungannya undang-undang yayasan disebutkan bahawa pengelolaan dana dan system pentadbiran akan dijelaskan lebih lanjut sesuai dengan Anggaran Dasar masing-masing. Demikian juga untuk mendirikan yayasan undang-undang sudah mengatur secara rinci iaitu di antaranya harus mempunyai geran, didaftarkan dan mempunyai badan pengawas, Pembina dan pengelola yayasan.

Kandungan undang-undang yayasan terdiri daripada 14 Bab dan 73 fasal. Ia terdiri dari: ketentuan umum (Fasal 1 sehingga 8 Fasal), cara pendirian yayasan (Fasal 9 sehingga Fasal 16), perubahan anggaran dasar (Fasal 17 sehingga 22). Kemudian pengumuman pendirian yayasan (Fasal 24 dan Fasal 25), kekayaan atau asset (Fasal 26 sehingga Fasal 27). Manakala Badan yayasan dimulai daripada bahagian pertama Badan Pembina (Fasal 28 sehingga Fasal 30), bahagian kedua iaitu Badan Pengurus (Fasal 31 sehingga 39), dan bahagian ketiga Badan Pengawas (Fasal 40 sehingga 47).

Laporan tahunan yayasan (Fasal 48 sehingga 52), pemeriksaan terhadap yayasan (Fasal 53 sehingga Fasal 56), kemudian penggabungan yayasan (Fasal 57 sehingga 61). Pembubaran yayasan (Fasal 62 sehingga Fasal 68), sedangkan pengaturan yayasan antara bangsa terdapat dalam Fasal 69. Adapun ketentuan hukuman dijelaskan dalam Fasal 70, sementara ketentuan peralihan didapati dalam Fasal 71 dan Fasal 72 serta Fasal 73 merupakan fasal penutup.

Justeru, menurut penyelidikan ini, undang-undang yayasan ini sebenarnya sudah menjelaskan dengan sepenuhnya cara mendirikan dan mengamalkan yayasan itu sendiri. Jika belum memahami kandungan daripada undang-undang ini, maka undang-undang yayasan juga mempunyai bahagian Aturan Penjelasan. Ia menjelaskan fasal demi fasal untuk kita dapat mengetahui lebih dalam maksud daripada ayat-ayat dalam undang-undang yayasan.

Hal-hal lain yang masih berhubung kait dengan ayat dalam fasal undang-undang yayasan juga dapat merujuk ke dalam undang-undang lainnya. Istilah undang-undangnya dikenal dengan *juncto*. Contohnya, dalam Fasal 26 ayat 2 (b), dijelaskan bahawa salah satu kekayaan yayasan berasal dari wakaf. Akan tetapi dalam Fasal 26 ayat 3, dijelaskan bahawa dalam hal kekayaan wakaf, maka berlaku ketentuan undang-undang perwakafan. Dalam hal ini boleh dirujuk kepada Undang-Undang Nombor 41 Tahun 2004 tentang Wakaf.

Contoh lainnya dalam bentuk hukuman, selain melihat dalam Fasal 70, jika seseorang melanggar aturan ini, maka boleh sahaja orang tersebut akan dirujuk kepada fasal-fasal di dalam undang-undang jenayah atau Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) Indonesia dan soal ganti rugi boleh dirujuk kepada undang-undang sivil atau Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUH Perdata).

### **Pandangan Pakar Terhadap Pengelolaan Dana Masjid Menurut Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 Tentang Zakat.**

Undang-undang zakat masih perlu dilakukan tambahan penjelasan-penjelasan untuk memperkukuh kandungan yang sudah ada. Undang-undang ini masih perlu perincian berkenaan tugas daripada Badan Amil Zakat dan juga cara membayar zakat. Hukuman dalam undang-undang ini perlu ditambah mengingat masih terlalu ringan diberikan kepada mereka melakukan penyelewengan terhadap dana zakat.

Kandungan undang-undang zakat ini terdiri daripada 10 Bab dengan dilengkapi oleh 25 fasal. Antara kandungan tersebut meliputi, ketentuan umum yang bermula daripada Fasal 1 sehingga Fasal 3, asas dan tujuan zakat termaktub dalam Fasal 4 dan Fasal 5. Adapun organisasi pengelolaan zakat dijelaskan dalam Fasal 6 sehingga Fasal 10. Kemudian pengumpulan zakat dijelaskan dalam Fasal 11 sehingga Fasal 15.

Manakala pendayagunaan zakat dijelaskan dalam Fasal 16 dan Fasal 17. Pengawasan zakat juga termaktub dalam Fasal 18 sehingga Fasal 20. Sedangkan hukuman bagi yang melanggar dijelaskan dalam Fasal 21. Ketentuan-ketentuan lain dijelaskan dalam Fasal 22 dan Fasal 23, manakala ketentuan peralihan dan penutup dijelaskan dalam Fasal 24 dan Fasal 25. Undang-undang ini juga mempunyai Aturan Penjelasan dalam bahagian selanjutnya.

Dalam penyelidikan ini, undang-undang ini memang kurang berkesan kepada pengelolan zakat, kerana banyak ayat-ayat yang belum menjelaskan dengan rinci tugas dan tanggung jawab daripada Badan Amil Zakat. Pengelolaan kewangan dan zakat lainnya juga tidak dijelaskan dengan perincian sepenuhnya. Sehingga hal ini akan mempengaruhi cara mengutip dan mengagihkan kewangan zakat itu sendiri.

Ada ayat yang menjelaskan bahawa Badan Amil Zakat juga dapat menerima harta selain zakat iaitu termaktub dalam Fasal 13, antaranya iaitu infak, sedekah, wasiat dan kafarat. Tentu sahaja tugas dan tanggung jawabnya akan merujuk kepada undang-undang yang lain.

Hukuman dalam undang-undang ini juga sangat rendah, ia memungkinkan terjadinya penyelewengan kewangan. Dengan hukuman denda hanya Rp. 3,000,000 atau sama dengan RM 900 dan hukuman penjara selama 3 bulan sahaja, menyebabkan undang-undang ini terasa begitu ringan. Walau bagaimanapun hukuman akibat penyelewengan kewangan juga dapat dirujuk kepada undang-undang lainnya seperti undang-undang anti rasuah dan undang-undang jenayah yang berlaku di Indonesia.

### **Pandangan Pakar Terhadap Pengelolaan Dana Masjid Menurut Undang-Undang Nombor 41 Tahun 2004 Tentang Wakaf.**

Secara amnya kandungan daripada undang-undang wakaf ini sepenuhnya sudah baik. Hanya ada beberapa penjelasan yang berhubung kait dengan pentadbiran wakaf. Tetapi hal yang menarik disini adalah adanya wakaf wang sebagai jenis wakaf yang sedang diminati pada saat ini. Hal ini disebabkan tanah pada masa sekarang ini asset tanah agak susah diuruskan dan didapati daripada wakaf wang. Pemilikan tanah

masih menjadi salah satu masalah besar di Indonesia (Sihombing, 2010). Sehingga wang lebih mudah untuk dijadikan wakaf. Oleh itu, di Manado wakaf diamalkan oleh Kementerian Agama Propinsi Sulawesi Utara. Wakaf banyak mengamalkan persoalan pentadbiran sepertimana yang sudah dikatakan oleh responden Prof. Jahya bin Smith dan Maria Ulfah.

Dilihat daripada kandungan undang-undang wakaf, ia terdiri daripada sebelas bab dan 71 fasal. Dimulai dengan ketentuan umum yang bermula daripada Fasal 1, kemudian dasar-dasar wakaf yang terdiri daripada sepuluh bahagian yang bermula daripada Fasal 2 sehingga Fasal 31. Antara bahagian tersebut meliputi, bahagian umum, tujuan dan fungsi wakaf, unsur wakaf, wakif, nazhir, harta benda wakaf, ikrar wakaf, peruntukan harta benda wakaf, wakaf dengan wasiat dan wakaf benda bergerak berupa wang.

Kemudian dilanjutkan dengan pendaftaran dan pengumuman harta benda wakaf yang dijelaskan dalam Fasal 32 sehingga Fasal 39. Seterusnya dijelaskan perubahan status harta benda wakaf yang meliputi Fasal 40 dan Fasal 41. Manakala pengelolaan dan pengembangan harta benda wakaf dijelaskan dalam Fasal 42 sehingga Fasal 46.

Badan wakaf Indonesia dijelaskan dalam Fasal 47 sehingga 61. Sedangkan untuk penyelesaian sengketa wakaf dijelaskan dalam Fasal 62. Untuk pembinaan dan pengawasan dijelaskan dalam Fasal 63 sehingga 66. Manakala ketentuan jenayah dan hukuman dijelaskan dalam Fasal 67 dan Fasal 68. Kandungan undang-undang wakaf ditutup oleh ketentuan peralihan dan ketentuan penutup yang termaktub dalam Fasal 69 sehingga 71.

Dalam penjelasan di atas diketahui bahawa undang-undang ini sudah sepenuhnya baik. Penjelasan tambahan dapat dijelaskan dalam pentadbiran dan pengelolaan Nadzir kemudian. Justeru, dalam penjelasan hukuman, sudah dirinci menurut undang-undang penjenayah dan pentadbiran yang diuruskan oleh undang-undang civil dan undang-undang yayasan yang berlaku.

Berdasarkan pandangan dan penyelidikan data sekunder undang-undang, didapati bahawa undang-undang yayasan secara umumnya sudah baik. Hanya memang beberapa bahagian kurang dapat dijelaskan secara rinci mengenai pengelolaan dana mengingat sudah dijelaskan dalam Fasal 14 undang-undang yayasan. Selanjutnya pengelolaan dana dalam undang-undang zakat memang harus dilakukan sedikit perbaikan, khususnya untuk pentadbiran, pengelolaan badan amil zakat, pengagihan dan hukuman yang begitu ringan bagi yang tidak melakukan pentadbiran zakat dengan baik.

Manakala undang-undang wakaf selama ini sudah baik dijelaskan dalam undang-undang ini. Hanya wakaf wang yang masih memerlukan penjelasan lebih lanjut. Nadzir juga perlu dijelaskan dalam pentadbirannya.

## **KESIMPULAN**

Perlu dilakukan penjelasan lebih rinci mengenai Aturan Penjelasan UU Yayasan yang bertindih dengan undang-undang zakat dan wakaf, oleh kerajaan ataupun pihak

parlimen. Di samping itu, merekomendasikan pembuatan UU Yayasan Keagamaan yang dipisahkan dengan UU Yayasan umum serta UU Zakat juga perlu dirinci lebih mendalam terutama dalam hal institusi zakat.

Cara pengelolaan dana dalam undang-undang yayasan ini memang kurang sepenuhnya dijelaskan. Asas pendirian yayasan harus mempunyai geran, didaftar dan mempunyai Badan Pengawas, Pembina dan Badan Pengelola yayasan. Dalam hal pendirian yayasan, undang-undang sudah merinci dengan membuat Anggaran Dasarnya masing-masing sesuai dengan tujuan daripada yayasan itu sendiri. Hal-hal lain yang masih berhubungan kait dengan ayat dalam fasal undang-undang yayasan juga dapat merujuk ke dalam undang-undang lainnya. Istilah undang-undangnya dikenal dengan *juncto*.

Memandangkan perkara di atas, maka terlihat pengelolaan dana dalam kes kajian di Manado masih dilakukan dengan cara konvensional dan tradisional. Hal ini disebabkan kurang pemahamannya atau kurangnya kesedaran pengurus masjid terhadap pengurusan dana dan institusi masjid. Oleh itu, perlu dialu-alukan kepada pihak pengurus masjid-masjid di Manado untuk mempertingkatkan pengelolaan dana dan pengurusan masjid di Manado.

Pengelolaan dana, kutipan, simpan, gunaan dan rekod harus lebih dipertingkatkan dalam masjid-masjid di Manado. Seterusnya, untuk Pengurus Badan Takmir Masjid juga lebih dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai pengelolaan dana melalui kursus-kursus pengurusan mahupun kursus pendidikan lainnya. Sehingga pengurusan masjid untuk menuju pengurusan yang insaniah boleh terwujud.

### **Bibliografi**

- Aaker, D. A, Kumar, V. & Day, G. S. (1999). *Marketing Research (6<sup>th</sup> ed)*. New York, John Wiley & Sons Inc.
- Abbas J. A. (2006). *Islamic Perspective On Management and Organization*, IIUM Journal of Economics and Management.
- Ayub, Mohammad E. (1996). *Manajemen Masjid; Petunjuk Praktis Bagi Para Pengurus/Penulis, Cetakan 1, Guna Insani Press, Jakarta*.
- Chatamarrasjid, (2000). *Tujuan Sosial Yayasan dan Kegiatan Usaha Bertujuan Laba*, PT. Citra Aditya Bakti, Bandung.
- \_\_\_\_\_, (2006). *Badan Hukum Yayasan*, Edisi Revisi, Citra Aditya Bakti, Bandung
- Cole, R.E. (1973). "Functional Alternatives And Economic Development: An Empirical Example Of Permanent Employment In Japan", *American Sociology Review*, Vol. 38, pp. 424-38.
- Gondo, Gambiro, (2011). *DPR Setujui RUU Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) Menjadi Undang-Undang*, [www.usdetiknews.com/read/2011/11/01](http://www.usdetiknews.com/read/2011/11/01)
- Gunawan, W., (2002). *Yayasan di Indonesia Suatu Panduan Komprehensif*, Elex Media Komputindo, Jakarta.
- Hidayat, T., (2000), *Bangunan Masjid Menurut Al-Quran dan Hadits*, Tesis Magister Program Pascasarjana FTSP-ITS, Surabaya.

- Irawan, P. (2007). *Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif Untuk Ilmu-Ilmu Sosial*, Departemen Ilmu Administrasi Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Indonesia.
- Ismail, A. S. & Castrawijaya, C., (2010). *Manajemen Masjid*, Angkasa, Bandung.
- Khan, M.A., (1991). "The Future Of Islamic Economics", *Futures*, Vol. 23 No. 3, pp. 248-61.
- Larasati, N. (2010). *Analisis Peranan Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 dan Undang-Undang Nomor 28 Tahun 2004 Tentang Yayasan Terhadap Pendirian Yayasan Islam*, Tesis Magister Notariat, Universitas Indonesia.
- Neuman, W. L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (6<sup>th</sup> ed)*. Allyn and Bacon, Boston.
- Nindyo P., (2002). *Reformasi Yayasan Perspektif Hukum dan Manajemen Kedudukan Hukum Yayasan di Indonesia*, Penerbit Andi, Yogyakarta
- Nugraha, B. J., (2006). *Pelaksanaan Pendirian Yayasan Berdasarkan UU No. 16 Tahun 2001 dan UU No. 28 Tahun 2004 di Denpasar*, Tesis Magister Kenotariatan, Universitas Diponegoro.
- Palmawati, T., (2004). *Zakat dan Negara, Studi Tentang Prospek Zakat Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Dengan Berlakunya UU No. 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat*, Disertasi Doktor, Universitas Indonesia, Jakarta.
- Rido. R., Ali., (2001). *Badan Hukum dan Kedudukan Badan Hukum Perseroan Perkumpulan, Koperasi, Yayasan, Wakaf*, Penerbit Alumni, Bandung.
- Sabitha Marican, (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Prentice Hall, Selangor, Malaysia
- Sat Dee. (2011). *Mosque Management: Introductory Analysis into The Rerpublic of Penang Election*, <http://satdthinks.blogspot.com/2011/06/mosque-management-introductory-analysis.html>
- Sigit H.YB, (2002). *Akuntabilitas Yayasan*, Andi, Yokyakarta.
- Singarimbun, M dan Effendi, S. 1997. *Metode Penelitian Survai*, Jakarta: LP3ES
- Soeroredjo, H., (1989). *Status Hukum dari Yayasan dalam Kaitannya dengan Penataan Badan-badan Usaha di Indonesia*, Makalah. 15 Desember 1989.
- Supardi dan Amrudin T. (2001). *Manajemen Masjid dalam Pembangunan Masyarakat, Optimalisasi Peran dan Fungsi Masjid*, UII Press, Yogyakarta.
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat.
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 41 Tahun 2004 tentang Wakaf
- Untung, B., (2002) *Reformasi Yayasan dalam Perpekpektif Manajemen*, Andi Yogyakarta.
- Wijayakusuma, K. M., & Yusanto I., (2002). *Pengantar Manajemen Syariat*, Khaerul Bayan, Jakarta
- Yahya, Y. (2006). *Pengantar Manajemen*, Graha Ilmu, Jakarta.